



15 Ogos 2012
15 August 2012
P.U. (A) 261

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH BURUH (PENGGAJIAN KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA) (SABAH) 2012

LABOUR (EMPLOYMENT OF CHILDREN AND YOUNG PERSONS) (SABAH) RULES 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN BURUH SABAH

KAEDAH-KAEDAH BURUH (PENGGAJIAN KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA) (SABAH)
2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 1300(2)(m) Ordinan Buruh Sabah [*Sabah Bab 67*], Menteri selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan sebagai **Kaedah-Kaedah Buruh (Penggajian Kanak-Kanak dan Orang Muda) (Sabah) 2012.**

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“hiburan awam” ertinya hiburan yang orang ramai atau mana-mana bahagian orang ramai dibenarkan masuk dan termasuklah persembahan untuk membuat filem atau iklan untuk pameran awam selain filem berita tetapi tidak termasuk apa-apa hiburan yang diberi oleh murid-murid mana-mana sekolah yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] di sekolah itu atau di bawah naungan sekolah itu atau apa-apa hiburan yang dianjurkan oleh sesuatu badan sukarela, sosial atau kebajikan yang telah diluluskan oleh Pengarah.

Mengemukakan kanak-kanak atau orang muda untuk pemeriksaan

3. Seseorang majikan mana-mana kanak-kanak atau orang muda yang digaji dalam apa-apa bentuk pekerjaan hendaklah mengemukakan atau menyebabkan untuk dikemukakan untuk pemeriksaan kanak-kanak atau orang muda itu pada bila-bila masa dalam tempoh waktu bekerja atau bila-bila waktu lain yang munasabah atas permintaan—

- (a) Pengarah;
- (b) seseorang Majistret; atau
- (c) mana-mana orang yang diberi kuasa bagi pihaknya oleh Pengarah atau Pengarah Kesihatan Negeri Sabah.

Pemeriksaan perubatan

4. (1) Pengarah boleh menghendaki majikan seseorang kanak-kanak atau orang muda yang mengambil bahagian dalam hiburan awam untuk mengemukakan kanak-kanak atau orang muda itu untuk pemeriksaan oleh seorang pegawai perubatan bagi maksud mengeluarkan suatu lesen di bawah seksyen 73D Ordinan.

(2) Pemeriksaan itu bolehlah dibuat secara berkala mengikut dan bilamana dikehendaki oleh Pengarah.

Bentuk lesen

5. (1) Suatu lesen untuk menggaji mana-mana kanak-kanak atau orang muda untuk mengambil bahagian dalam mana-mana hiburan awam yang dikeluarkan di bawah seksyen 73D Ordinan hendaklah dalam bentuk seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Lesen yang disebut di bawah subkaedah (1) adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) bahawa mana-mana persembahan tidak boleh melebihi tempoh tiga jam bagi kanak-kanak atau tempoh empat jam bagi orang muda;
- (b) bahawa mana-mana kanak-kanak atau orang muda tidak boleh mengambil bahagian dalam mana-mana persembahan yang membahayakan nyawa, anggota badan, kesihatan atau moral;

- (c) bahawa pemegang lesen hendaklah melaporkan ketibaannya di mana-mana daerah kepada Pejabat Tenaga Kerja yang terdekat secara bertulis atau bersendirian;
- (d) bahawa pemegang lesen hendaklah mengemukakan kanak-kanak atau orang muda yang digaji di bawah lesen itu di hadapan seorang pegawai perubatan untuk pemeriksaan secara berkala bilamana dikehendaki oleh Pengarah; dan
- (e) bahawa pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab ke atas keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak atau orang muda yang digaji di bawah lesen.

(3) Lesen yang disebut di bawah subkaedah (1) hendaklah memperuntukkan—

- (a) bagi bilangan maksimum persembahan yang diberikan dalam mana-mana satu hari atau minggu;
- (b) bagi bilangan maksimum persembahan yang diberikan secara berturut-turut;
- (c) bagi waktu dalam sesuatu hari yang di antaranya seseorang kanak-kanak atau orang muda tidak boleh mengambil bahagian dalam sesuatu persembahan awam; dan
- (d) bagi tempoh sah lesen.

Kesalahan

6. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini melakukan kesalahan di bawah seksyen 130F Ordinan.

JADUAL

[KAEDAH 5]

ORDINAN BURUH SABAH

Lekatkan
gambar

KAEDAH-KAEDAH BURUH (PENGGAJIAN KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA) (SABAH)
2012

LESEN UNTUK MENGGAJI KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA UNTUK
MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM HIBURAN AWAM

[SEKSYEN 73D ORDINAN BURUH SABAH]

Kebenaran adalah dengan ini diberikan kepada untuk
menggaji yang gambarnya dilekatkan di sini dan yang
memegang Kad Pengenalan Pendaftaran Negara No. dan di bawah
penjagaanpemegang Kad Pengenalan Pendaftaran
Negara No. untuk mengambil bahagian dalam hiburan awam di Sabah,
tertakluk kepada peruntukkan di bawah Ordinan Buruh Sabah [*Sabah Bab 67*] dan
Kaedah-Kaedah Buruh (Penggajian Kanak-Kanak dan Orang Muda) (Sabah) 2012 dan
syarat-syarat yang disebut dalam lesen ini. Lesen ini, melainkan jika dibatalkan, adalah
sah sehingga 20.....

Tarikh:

.....
(*Tandatangan*)

.....
(*Nama*)

.....
(*Gelaran dan jawatan*)